



KP(BS-DSR)8787/008/2/Jld.2 (16)

7 Ogos 2007

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 3 /2007
GARIS PANDUAN PEMAKAIAN PAKAIAN KOKURIKULUM DI HARI
PERSEKOLAHAN DAN PERHIMPUNAN BULANAN KOKURIKULUM

Surat Pekeliling Ikhtisas ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan pemakaian pakaian kokurikulum pada hari persekolahan dan perhimpunan bulanan kokurikulum.

2. Kementerian Pelajaran Malaysia telah memutuskan supaya semua sekolah hendaklah melaksanakan pemakaian pakaian kokurikulum setiap minggu pada hari persekolahan dan menganjurkan perhimpunan kokurikulum pada setiap bulan. Garis panduan Pelaksanaan dasar ini adalah seperti berikut.

2.1 Pemakaian Pakaian Kokurikulum

- 2.1.1 Murid-murid hendaklah memakai pakaian seragam kokurikulum pada hari Rabu setiap minggu pada waktu persekolahan;
- 2.1.2 Murid-murid hendaklah seboleh-bolehnya memilih untuk memakai pakaian seragam pasukan badan beruniform yang lengkap atau sebahagian daripadanya seperti memakai baju-T berkolar yang melambangkan pasukannya; atau
- 2.1.3 Murid-murid juga boleh memilih memakai pakaian seragam kelab/persatuan, sama ada dalam bentuk jaket, baju layang (seni bela diri) atau baju-T berkolar.

2.1.4 Jaket, baju layang atau baju-T berkolar hendaklah dicetak dengan nama pasukan atau kelab/persatuan di bahagian belakang, dan logo (jika ada) di bahagian hadapan (dada kin).

2.1.5 Pihak sekolah hendaklah melaksana pemakaian pakaian kokurikulum ini secara terancang dan beransur-ansur supaya tidak menimbulkan bebanan kepada ibu bapa.

2.2 Perhimpunan Bulanan Kokurikulum

2.2.1 Perhimpunan hendaklah dianjurkan pada hari pertama minggu ketiga setiap bulan. ✓

2.2.2 Perhimpunan ini hendaklah dikendalikan oleh murid-murid. Aktiviti yang lazimnya diurus dan disampaikan oleh Pengetua/Guru Besar dan guru-guru seperti ucapan, bacaan doa, penyampaian hadiah dan sebagainya, diambil alih oleh murid-murid dengan bimbingan dan panduan guru-guru.

3. Kerjasama Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memantau serta memastikan dasar pemakaian pakaian kokurikulum dan perhimpunan bulanan kokurikulum dilaksanakan di semua sekolah.

4. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah/ Gabungan, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

DATO' HAJI ALIMUDDIN BIN MOHD. DOM
Pemangku Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia